



## **SIARAN MEDIA** *PRESS RELEASE*

### **SEMINAR INOVASI SEKTOR AWAM 2014**

**Kuala Lumpur, 22 September 2014** – Sebanyak enam (6) kertas kerja akan dibentangkan pada Seminar Inovasi Sektor Awam pada hari ini dan esok yang bermula dari 22 hingga 23 September 2014 di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) melibatkan pembentang berpengalaman dari dalam dan luar negara. Antaranya adalah Mr. Stephen Barton Principal Partner, Workplace DNA, Australia, Mr. Nashid Abdul Khaaliq dari Saudi ARAMCO, YBhg. Dato' Sri Dr. Halim Shafie, Pengerusi Telekom Malaysia Berhad dan beberapa lagi tokoh ternama.

Seminar ini merupakan kali kedua diadakan secara kolaborasi antara INTAN dan Universiti Sains Malaysia (USM) dan disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Objektif utama penganjuran seminar kali ini adalah untuk menggalakkan percambahan idea di samping memberi pemahaman mengenai ekosistem inovasi dalam sektor awam. Pembentangan kertas kerja pada seminar kali ini memberi fokus kepada pengurusan inovasi dalam sektor awam secara keseluruhan.

Tema seminar pada kali ini “Anjakan Inovasi ke arah Transformasi Sektor Awam”, mengambil semangat Teras Strategik pertama Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA) iaitu mendaya upaya bakat dengan meningkatkan kompetensi, prestasi dan produktiviti dan daya inovasi penjawat awam. Tema ini juga sangat bertepatan dengan hasrat dan usaha kerajaan untuk memupuk budaya inovasi di semua peringkat dan lapisan

sektor awam bagi mendakap kemas hasrat Kerajaan menjayakan transformasi perkhidmatan awam.

Pemilihan tema ini juga dilihat mempunyai kesinambungan dan seiring dengan lapan (8) prinsip pekerja berinovasi yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri iaitu berilmu, kebolehpercayaan, budaya amalan kerja terbaik, semangat patriotik, budaya keberhasilan yang berteraskan hasil, budaya kreativiti dan inovasi, nilai tambah dan kompetensi; dan pemuafakatan kerja.

YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak telah menegaskan bahawa pada masa ini negara memerlukan inovasi sosial yang dapat memberi faedah kepada rakyat. Oleh itu, perkhidmatan awam perlu melihat inovasi dari perspektif "outside-in" iaitu menjalin hubungan yang lebih bersinergi dengan rakyat bagi menghasilkan penemuan-penemuan baharu yang dapat dimanfaatkan hasilnya oleh masyarakat. Oleh itu, jentera perkhidmatan awam yang lebih cekap mengurus dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai adalah sangat diperlukan. Akhirnya, inovasi sosial mampu mengangkat martabat bangsa dan negara ke mercu keterbilangan.

Antara pengisian seminar pada kali ini adalah pembentangan kertas kerja yang melibatkan pihak swasta dan luar negara yang terdiri daripada pakar serta pengamal dalam bidang-bidang berkaitan. Pameran berkaitan inovasi dalam memberi peluang kepada peserta berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam membudayakan inovasi disamping mempromosikan hasil dan produk inovasi yang telah dibangunkan dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan. Dalam hal ini, INTAN dengan kerjasama semua pihak bersedia membantu dalam melonjakkan lagi pembudayaan inovasi di sektor awam.

Seramai lebih kurang 300 orang peserta daripada sektor awam dan swasta; dalam dan luar negara telah menyertai seminar tersebut. Turut hadir pada majlis perasmian itu, YBhg. Dato' Dr. Omar Osman, Naib Canselor USM, dan YBhg. Dato' Dr.Mazlan Yusoff, Pengarah INTAN.

Unit Korporat dan Antarabangsa  
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Tel: 03 2084 7205  
Emel: [melinda@intanbk.intan.my](mailto:melinda@intanbk.intan.my)

**22 September 2014**